

# Akta baharu pulihara kawasan hijau digubal

BH 13/9/2017  
ms. 16

**Ipoh:** Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menggubal akta baharu tahun depan bagi mengawal selia, melindungi dan memulihara kawasan hijau termasuk Projek Taman Tugu di Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pengenalalan akta itu seiring dengan penubuhan badan amanah awam, Amanah Warisan Negara (AWAN) atau 'The National Heritage Trust'.

Katanya, penubuhan badan itu membabitkan inisiatif Khazanah Nasional Bhd dan kementerianannya, dalam usaha memastikan kawasan hijau dijaga dan dipulihara serta tidak boleh dipindah milik.

"Undang-undang ini pada mulanya dibuat untuk Projek Taman Tugu, namun selepas saya meninjau beberapa kawasan di negara ini, saya dapati ia boleh diperluas ke beberapa lagi kawasan hijau seperti di hutan Kilim di Langkawi serta fosil di Pulau Tikus (Pulau

Pinang)," katanya.

## Pastikan hutan terpelihara

Beliau berkata, perbincangan bagi penggubalan akta itu bukan sahaja bersandar kepada usaha melindungi kawasan hutan hijau semata-mata, sebaliknya memastikan kawasan berkenaan tidak diteroka bagi tujuan pembangunan.

Wan Junaidi berkata demikian pada sidang media selepas menjadi panel pada hari terakhir Dialog Pangkor 2017, di sini, semalam.

Yang turut serta pada sesi dialog itu, bekas Ahli Kongres Marinduque, Filipina, Regina Reyes Mandanas; Pengerusi Majlis Perpaduan Ekonomi Asia, Dr Benjamin R Quinones Jr serta Ahli Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan Sembawang, Singapura, Amrin Amin.

Pada sesi dialog berkenaan, Wan Junaidi antara lain menekankan pentingnya ASEAN memberi tumpuan kepada isu persekitaran dan alam semula jadi, kerana ia sangat berkait kepada manusia dan ke-

mapanaan pembangunan.

Beliau berkata, masyarakat ASEAN perlu memiliki sikap dan kesedaran yang tinggi terhadap usaha melindungi khazanah alam, dengan menolak sebarang usaha oleh industri yang mahu membangunkan kawasan hutan hijau dengan projek pembangunan.

"Kita juga boleh mengubah gaya hidup dengan menjadikan ASEAN sebagai destinasi pelancongan utama berbanding Eropah dan benua lain.

"Kita harus lakukan ini untuk melihat ASEAN bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan menarik, tetapi memiliki sumber, kepelbagaian komuniti dan budaya, selain rantau yang stabil dan selamat," katanya.

Sementara itu, Amrin berkata, ruang dan peluang kepada beliau untuk terbabit dalam kumpulan pembuat dasar berkaitan ASEAN perlu diperluaskan bagi membolehkan semangat 'Kita ASEAN' difahami golongan itu.



**Wan Junaidi pada sesi Dialog Pangkor** yang turut disertai Mandanas (kanan) di Pusat Konvensyen Aman Jaya, Ipoh, semalam.